

21/03/2004

Satu undi boleh menentukan nasib bangsa

Johan Jaaffar

PENYOKONG kerajaan selalunya mengambil sikap sambil lewa terhadap undi mereka. Banyak yang menganggap Barisan Nasional (BN) akan menang dan undi mereka tidak 'diperlukan'. Atau mereka berselesa untuk memilih masa yang sesuai untuk membuang undi. "Tak apalah lambat, asalkan mengundi," kata mereka.

Banyak yang berpendapat dalam pilihan raya, undi mereka yang berada 'di atas pagar' lebih penting. Jumlah mereka kira-kira 30 peratus. Benar, sasaran mana-mana parti yang bertanding ialah untuk memenangi hati golongan ini. Tetapi kumpulan ini biasanya akan menunaikan tanggungjawab mereka. Soal pilihan soal lain. Tetapi penyokong kerajaan yang sepatutnya diperingatkan bahawa undi 'atas pagar' akan hanya membantu BN kalau penyokong BN sendiri turun mengundi.

Penyokong BN akan mempertaruhkan masa depan negara kalau mereka mengambil sikap sambil lewa. Penyokong pembangkang akan berbuat apa saja untuk memastikan mereka dapat membuang undi. Kalau dilihat cara Pas menjalankan gerakan mengenalpasti pemilih sebelum pilihan raya, kita akan tahu betapa seriusnya mereka dalam soal undi ini.

Kita mengamalkan sistem 'undi popular' dalam menentukan kemenangan calon dalam pilihan raya. Ini bererti siapa yang mendapat undi lebih banyak akan menang, walaupun satu undi. Amerika Syarikat (AS) mengamalkan undi popular juga tetapi ditambah dengan apa yang disebutkan sebagai 'electoral college.' Setiap buah 'negeri' di AS ditentukan jumlah 'electoral college' - misalnya California dan Florida mempunyai jumlah yang besar sedangkan negeri seperti Arkansas atau Milwaukee diberikan bilangan yang lebih kecil.

Kemenangan mana-mana calon Presiden AS tidak saja ditentukan oleh undi popular tetapi jumlah electoral college ini. Dalam pilihan raya Presiden yang terakhir, calon Parti Demokrat, Al Gore mendapat kelebihan kira-kira 100,000 undi popular dari lebih 100 juta undi yang dibuang. Tetapi dia tewas kerana George W Bush Jr memperoleh jumlah electoral college yang lebih banyak.

Australia misalnya mengamalkan apa yang disebut 'proportional representation' - ertinya kemenangan juga ditentukan oleh jumlah atau bilangan mana-mana kelompok yang diwakili oleh individu itu. Singapura, selain mengamalkan sistem undi popular memperkenalkan juga 'group representation' atau perwakilan kumpulan bagi memberi peluang kepada kaum minoriti mempunyai suara di Parlimen.

Dalam sistem demokrasi yang kita amalkan, satu undi boleh menentukan menang kalah calon juga mana satu kerajaan yang dipilih oleh pengundi. Hari ini lebih 10.3 juta rakyat kita membuang undi bagi memilih siapa daripada lebih 1500 orang yang bertanding untuk merebut 205 kedudukan sebagai Ahli Parlimen dan 505 Ahli Dewan Undangan Negeri.

Penyokong kerajaan harus ingat pengajaran 1990 dan 1999. Pada 1990 BN mendapat peratus undi popular yang terendah sejak BN wujud pada tahun 1974. BN ketika itu hanya mendapat 52.0 peratus undi popular. Pada pilihan raya ke-8 itu, Umno baru pulih dari deman pengharamannya. Umno berpecah dua. Parti Semangat 46 menjadi parti yang mencabar Umno.

Pada 1999 pula, BN mendapat undi popular 56.1 peratus. Pada pilihan raya ke-10 itu, terdapat 56.7 peratus pengundi Melayu di Semenanjung dan 41 peratus pengundi Melayu di Malaysia Timur. Di dua buah negeri, Terengganu dan Kelantan bilangan pengundi Melayu melebihi 90 peratus. Terengganu

mencatatkan bilangan pengundi Melayu sebanyak 95 peratus dari 387,339 pengundi berdaftar dan Kelantan mencatatkan 93.5 peratus dari jumlah pengundi yang berdaftar sebanyak 641,754 orang.

Pada 1999, Terengganu jatuh ke tangan Pas, menambah satu lagi negeri yang diperintah oleh parti itu. Kedah mencatatkan sejarah yang lain. BN mendapat jumlah kerusi Parlimen yang kurang daripada pembangkang. Kedah mempunyai 74.8 peratus pengundi Melayu dari 765,028 pengundi berdaftar.

Hakikatnya 1999 menampakkan bagaimana sebahagian besar orang Melayu memberi sokongan pada Barisan Alternatif (BA). Analisis yang dibuat terhadap kawasan 'Kerusi Melayu' menunjukkan bahawa di mana-mana kawasan yang peratus pengundinya 90 peratus ke atas, hanya empat kawasan yang dimenangi oleh BN (dari 25 kerusi). Hanya dalam kawasan yang pengundi Melayu di antara 50 dan 60 peratus, BN mendapat kesemua 27 buah kerusi. Ini menunjukkan bahawa bagi calon Umno untuk menang di kawasan campuran, undi bukan Melayu diperlukan. Calon BN kalah di kawasan majoriti Melayu. Prestasi Umno di Parlimen terjejas. Buat kali pertama, Umno mendapat kerusi kurang daripada separuh (72) daripada yang diperolehi oleh BN (148).

Banyak orang menganggap bahawa 1999 berbeza dengan tahun 2004. Kali ini Umno dan BN menghadapi pilihan raya dengan lebih yakin. Isu-isu besar hampir tidak ada. Apa yang dibangkitkan ialah isu tempatan yang boleh berubah setiap masa. Ekonomi telah pulih. Umno semakin mantap. Dan lebih penting lagi ialah BN dan Umno mempunyai Presiden baru dan negara dipimpin oleh Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Apabila Tun Dr Mahathir Mohamad memimpin kerajaannya pada pilihan raya yang pertama (1982), BN mendapat undi popular sebanyak 60.2 peratus, yang kedua terbaik dalam lima pilihan raya yang dipimpinnya. Prestasi terbaik ialah 1995 apabila BN mendapat 65 peratus undi popular. Rata-rata rakyat akan memberi peluang pada PM baru. Apakah Pak Lah, kali ini akan mendapat mandat lebih besar dari tahun 1995? Sama-samalah kita lihat.

Sejak memegang tampuk pemerintahan, beliau telah membuktikan siapa beliau sebenarnya. Dalam beberapa bulan ini beliau telah menunjukkan taring sebenar berdasarkan kenyataan dan tindakannya. Beliau memberikan harapan baru pada rakyat. Rakyat berasakan angin perubahan yang melanda. Ini Malaysia yang menjanjikan harapan baru tanpa perlu mengeneipkan apa yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri sebelum beliau.

Stail Pak Lah tentunya berbeza. Tetapi kelembutan jangan ditafsir kelemahan dan kenyataan keras bukan tidak di atas dengan tindakan. Keyakinan kembali pada kerajaan, perkhidmatan awam dan yang penting penekanan pada ketelusan dan corporate governance menyemarakkan semula ekonomi. Dipendekkan cerita ada semacam keadaan 'feel good' di kalangan rakyat.

Berbekalkan parti yang lebih mantap, sokongan yang lebih jelas, pembangkang yang berantakan, ekonomi yang baik dan lambang kepimpinan yang baru, Pak Lah memimpin BN dalam pilihan raya yang ke-11 ini. Apa yang lebih penting bagi Umno, ialah sokongan orang Melayu yang semakin kuat terhadapnya.

Orang Melayu rata-rata dipercayai bersedia kembali menyokong Umno. Umno sendiri lebih yakin menghadapi pilihan raya kali ini. Umno percaya Terengganu akan dapat ditawan semula. Kerajaan Pas Kelantan akan menghadapi saingan sengit. Dan Kedah akan selamat. Tetapi semua ini bergantung pada undi yang dibuang hari ini.

Ada beberapa kecenderungan pola pengundian penyokong kerajaan. Pertama, mereka yang yakin calon mereka akan menang tidak keluar mengundi. Kedua, mereka terbawa-bawa kadang-kala dengan perang saraf parti lawan. Sekiranya mereka mendapati parti lawan kelihatan lebih 'menonjol' di satu-satu kawasan, mereka mengandaikan parti itu menang. Mereka juga tidak keluar mengundi. Ketiga, mereka mengandaikan bahawa sikap 'tunggu dan lihat'

ialah sebaik-baik pendekatan dalam pilihan raya. Akibatnya jikalau cuaca buruk melanda pada sebelah petang, mereka akan kehilangan peluang mengundi.

Pengundi Melayu terutamanya - baik penyokong BN, penyokong pembangkang atau mereka 'di atas pagar' - harus sedar ini waktu yang kritikal bagi mereka. Orang Melayu berada dalam kedudukan yang lemah dalam pelbagai bidang. Orang Melayu tidak boleh berpecah dalam apa keadaan sekalipun. Lebih penting lagi, orang Melayu tidak boleh dipengaruhi oleh pendirian melampau dalam agama. Ekstremisme tidak boleh kita terima. Kita mengamalkan kesederhanaan.

Cara menjual agama sebagai modal pilihan raya memang mudah. Menjanjikan harapan setinggi gunung juga mudah. Tetapi akhirnya, masa depan bangsa kita harus diberikan perhatian serius. Mentadbir dan menjamin penerusan usaha ke arah kemajuan dan pembangunan bukan sekadar retorik. Pengisiannya sukar dan menyakitkan.

Maka itu, bangsa kita memerlukan undi kita semua. Inilah kesempatan yang terbaik untuk menyatakan sokongan kita pada usaha untuk menjamin kejayaan dan keamanan berterusan. Orang Melayu yang berfahaman sederhana harus menunaikan tanggungjawab mereka bagi memastikan kemenangan parti yang mendukung pendirian mereka.

Keluarlah mengundi dan undilah dengan bijaksana.

\* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad